

PAS PILANG 17,000 LAGI

Penyokong2 di Trengganu marah sikap 'kuku besi'

KUALA TRENGGANU, Ahad — Lebih 17,000 orang pemimpin dan penyokong kuat PAS peringkat kampung seluruh Trengganu tidak mahu mengundi calon PAS kerana membantah sikap dua orang pemimpin parti itu yang dikatakan menggunakan 'kuku besi' menentukan calon.

Seorang pemimpin PAS yang mendakwa dirinya sebagai Ketua Unit Penggempur bagi membangkitkan petyelewengan dalam PAS memberitahu Berita Harian hari ini, mereka

menafikan lindakan pemimpin PAS Trengganu dalam soal menentukan calon bertentangan dengan prinsip Islam.

"Mereka menggunakan kekerasan dan tidak memperhlungkan bantahan dari ahli dan penyokong-penyokong tempatan," tegasnya.

"Mengikut maklumat yang diterima, kata pemimpin PAS itu, mereka yang mahu mengundi PAS terdiri dari 2,815 orang di Merchang dan Sura, 1,933 di Paka dan Bukit Bandi, 257 di Chukai, Kemaman.

Rimpal ratus lima puluh orang di Seberang Takir, 1,056 di Langkap dan Batu Rakit, 1,200 di Setiu, 4,019 di kawasan Parlimen Besut, 1,700 di Bukit Payang, 509 di Marang, 3,900 Manir dan Jeram dan 750 orang di Bukit Funggal.

Bellau berkata, setakat ini hampir 30 unit penggempur telah ditubuhkan oleh orang dalam PAS sendiri bagi menjalankan kempen supaya jangan mengundi calon PAS.

"Unit-unit ini bergerak di seluruh negeri bagi menerangkan keadaan yang sebenar kepimpinan PAS dan petyelewengan yang dilakukan oleh dua tokoh PAS," tegasnya.

Berita Harian di-

fahaman, tokoh-tokoh yang hebat diketam mengenai masalah tersebut ialah Timbalan Pusturuhjaya PAS, Encik Mustapha Ali dan ahli Jawatankuasa PAS, Wan Mutalib Embong.

Juga ditahankan, Encik Mustapha dan Wan Mutalib nyaris bertumbuk kerana per selisihan faham ekoran dari perebutan kawasan Parlimen dan Negeri yang selamat, sehari sebelum penamaan calon.

Kedua tokoh itu bertanding dua kawasan seorang. Encik Mustapha bertanding di kawasan Parlimen Kuala Nerus dan Dewan Negeri Wakat. Manjilein, manakala Wan Mutalib bertanding kawasan Parlimen Kuala Trengganu dan Dewan Negeri Batu Buruk.

Sedangkan, kata pemimpin Unit Penggempur PAS itu, PAS mahu mempunyai tokoh yang faham soal Islam secara mendalam tapi disingkirkan dari pencalonan seperti Haji Mohidin Taib, Abdul Ghani Mohamad, Haji Mokhtar Ahmad, Abdul Rahman Mohamad dan beberapa orang tokoh lain.

"Kita juga menggalakkan mereka mengundi calon-calon yang mereka minati atas sifat peribadi, tetapi bukan calon PAS," tambah bellau.

Bellau menyeru ahli dan penyokong PAS Trengganu menyatakan perpaduan bagi menggulingkan calon PAS yang mengeneipkan prinsip Islam dalam tidak tanduk mereka.

"Kami menafikan dua tokoh PAS itu sebagai lain berkecapan dan lain dibuat," kata pemimpin PAS itu.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan) disambut oleh penyokong-penyokong Barisan Nasional sambil diperlihatkan oleh Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie (dua dari kanan) sehabisnya di Lapangan Terbang Kuantan Jumaat lalu.

No. Siri - 2574
No. Penerimaan - 319/85